

**PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS 2016**

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
(LANANG)**

**NO. SOALAN** : **292**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan kewangan yang telah diluluskan oleh Kementerian untuk menaik taraf jalan di kawasan luar bandar terutama di kawasan luar bandar terutama di kawasan rumah panjang di Parlimen Lanang dan nyatakan secara terperinci lokasi, status pelaksanaan dan jumlah peruntukan untuk setiap lokasi di kawasan Lanang sejak 2013 sehingga setakat ini.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi menaik taraf jalan-jalan luar bandar di bawah Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) bagi keseluruhan Parlimen Lanang sejak tahun 2013 sehingga tahun 2015 ialah sebanyak RM1.5 juta melibatkan 5 projek.

Bagi tahun 2016 pula, sehingga kini belum ada lagi peruntukan yang diluluskan bagi kawasan Parlimen Lanang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilik penyusuan (*lactation room*) yang ada di tempat kerja sektor awam dan apakah rancangan Kementerian untuk menggalakkan lebih banyak tempat kerja di sektor awam dan juga swasta untuk menyediakan bilik penyusuan memandangkan penyusuan susu ibu amat digalakkan oleh Kementerian Kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai data mengenai jumlah bilik penyusuan (*lactation room*) di tempat kerja sektor awam. Setakat ini, tiada peraturan yang mewajibkan supaya pewujudan bilik penyusuan di sektor awam dilaporkan kepada pihak KKM. Walau bagaimanapun, bilik atau sudut penyusuan telah diwujudkan di 598 buah hospital dan klinik kesihatan di bawah KKM yang telah diiktiraf sebagai Hospital dan Klinik Rakan Bayi.

Pihak KKM telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan lebih ramai majikan menyediakan persekitaran pekerjaan yang kondusif untuk wanita bekerja seperti ruang penyusuan untuk memerah susu, waktu bekerja yang *fleksible* dan pusat jagaan anak yang berdekatan dengan tempat kerja. Ianya dilaksanakan melalui pelbagai platform termasuk semasa Sambutan Minggu Penyusuan Susu Tahunan, forum, dialog, kempen dan pameran mengenai keperluan ruang atau bilik penyusuan.

Selain itu, pihak KKM juga sedang mempergiatkan usaha menggalakkan lebih banyak tempat awam seperti pusat membeli-belah dan bangunan awam menyediakan kemudahan bilik atau ruang penyusuan. Hasilnya, Penyediaan Kemudahan Mesra Bayi Di Tempat Awam juga telah dimasukkan sebagai salah satu *voluntary component* dalam *Malaysian Standard* (MS Standard). Dalam masa yang sama, pihak KKM akan terus bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Landskap Negara (JLN) untuk memasukkan komponen Penyediaan Kemudahan Mesra Bayi di Tempat Awam dalam Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) jumlah pusat kitar semula dan Kemudahan Pengasingan Bahan (Material Recovery Facility) pecahan mengikut negeri dan daerah dan bahan-bahan dan kuantiti dikitar semula pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, 2015, 2016; dan
- (b) adakah Malaysia ingin mengamalkan dasar *Thermal Treating* terhadap plastik seperti Jepun.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang dalam proses mengemaskini maklumat Pusat Kitar Semula yang telah diwujudkan bagi memudahkan masyarakat mengamalkan kitar semula di kawasan kediaman mereka. Hal ini disebabkan terdapat sebilangan Pusat Kitar Semula yang tidak beroperasi. Pihak Kementerian telah membina sebanyak 547 buah Pusat Kitar Semula pada tahun 2005 dan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan operasi dan sehingga kini hanya 269 buah Pusat Kitar Semula yang aktif beroperasi.

Manakala bagi kemudahan Pemerolehan Semula Bahan (*Material Recovery Facility*), kemudahan tersebut telah dibina sebanyak dua (2) buah bagi menjalankan kerja-kerja pengasingan sisa pepejal sebelum dilupuskan di tapak pelupusan iaitu di Tapak Pelupusan Sungai Udang, Melaka dan di Tapak Pelupusan Sanitari Belenggu,

Temerloh, Pahang. Kementerian berhasrat untuk membina lebih banyak lagi pusat kemudahan Pemerolehan Semula Bahan pada masa hadapan sejajar dengan matlamat untuk mengurangkan sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan.

Maklumat mengenai kadar kitar semula sebelum ini hanya diperolehi melalui kajian-kajian yang telah dibuat pada tahun 2005 dan juga 2012. Mulai tahun 2014, pihak Kementerian telah mengumpulkan maklumat terperinci mengenai barangan-barangan yang telah dikitar semula dan berikutan daripada itu maklumat pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

BIL	BARANGAN	PERATUS	TAN
i.	Plastik	42.16	999, 125.41
ii	Kertas	25.86	612, 868.93
iii.	Aluminium	3.79	89, 860.20
iv.	Kaca	7.77	7.77
v.	Besi	6.17	6.17
vi.	Lain-lain bahan kitar semula	14.25	-

Secara keseluruhannya, jumlah barangan yang telah dikitar semula adalah sebanyak **2, 369, 781.05 tan**.

Daripada maklumat tersebut, kadar kitar semula kebangsaan meningkat sebanyak 2.49% iaitu kepada 17.49% jika dibandingkan dengan tahun 2014 iaitu 15%. Ini adalah seiring dengan sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22% menjelang tahun 2020.

- (b) Dalam proses pelupusan sisa pepejal adalah menjadi dasar KPKT untuk melaksanakan pengasingan sisa pepejal bagi barangan yang boleh dikitar semula, kemudian barulah sisa yang tidak boleh dikitar semula akan dirawat dan seterusnya residu/abu rawatan dan sisa lengai akan dihantar ke tapak pelupusan. Dalam hal ini, seharusnya plastik perlu dikitar terlebih dahulu dan sekiranya tidak boleh dikitar semula, barulah sisa tersebut dihantar ke pusat rawatan sisa pepejal.

Selari dengan dasar tersebut, Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) merancang untuk



membina sebuah fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu yang mempunyai tiga (3) peringkat pengurusan sisa iaitu pengasingan sisa pepejal, rawatan dan/atau pelupusan. Manakala bagi kaedah rawatan sisa pepejal, Kerajaan terbuka kepada semua teknologi rawatan termasuk *thermal treating* mengambilkira tiga faktor utama iaitu kos efektif, mesra alam dan teknologi yang terbukti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN : 295**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) pembinaan rangkaian kereta api Pan Borneo daripada segi anggaran kos, kepanjangan, dan kajian fisibiliti; dan
- (b) sama ada Sarawak dan Sabah mempunyai '*economy of scale*' bagi menampung projek ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang cadangan daripada mana-mana pihak berhubung pembinaan rangkaian kereta api Pan Borneo. Sehubungan itu, anggaran kos, kepanjangan dan kajian fisibiliti serta *economy of scale* bagi cadangan tersebut adalah tidak berbangkit pada masa ini.